

**TEKS UCAPAN  
YBRS. PROFESOR DR AHMAD TAUFEEK  
ABDUL RAHMAN  
REKTOR UiTM CAWANGAN SELANGOR**

**SEMPENA  
MAJLIS PENYERAHAN SIJIL KHIDMAT SETIA  
20 TAHUN UiTM**

**8 OGOS 2025 | JUMAAT | 3.00 PETANG  
BILIK MESYUARAT UTAMA,  
ARAS 3, BANGUNAN PEJABAT REKTOR  
UiTM CAWANGAN SELANGOR  
KAMPUS PUNCAK ALAM**

**Terima kasih Pengacara Majlis**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

**ALHAMDULILLAH RABBI ALAMIN**

**WASOLATU WASALAMU ALA ASYRAFIL**

**ANBIYA IWAL MURSALIN WA ALA ALIHI  
WASOHBIHI AJMAIN**

Yang Dihormati Barisan Pengurusan  
UiTM Cawangan Selangor

Ketua-ketua Bahagian

Yang Diraikan Staf Khidmat Setia 20 tahun UiTM  
Cawangan Selangor sekalian.

**Assalamualaikum Warahmatullahi**

**Wabarakatuh, Salam Sejahtera, Salam Malaysia  
Madani dan Salam UiTM di Hatiku.**

1. Alhamdulillah, marilah kita panjatkan rasa syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah dan izin-Nya, kita dapat bersama-sama berhimpun dalam **Majlis Penyerahan Sijil Khidmat Setia 20 Tahun UiTM**, sebagai tanda penghargaan dan pengiktirafan terhadap kesetiaan serta sumbangan berterusan warga UiTM kepada universiti tercinta ini.
2. Majlis ini merupakan satu bentuk penghargaan terhadap komitmen dan dedikasi warga kerja UiTM yang telah menabur bakti selama dua dekad.
3. Dua puluh tahun bukanlah suatu jangka masa yang singkat. Ia bukan sekadar angka, tetapi mencerminkan perjalanan panjang yang penuh dengan pelbagai cabaran, perubahan dasar, transformasi teknologi serta dinamik organisasi yang telah kita tempuhi bersama.

4. Namun begitu, tuan-tuan dan puan-puan terus kekal teguh berkhidmat, menabur bakti dengan penuh amanah, dedikasi dan integriti.
5. Saya yakin, dengan semangat yang ada pada tuan-tuan dan puan-puan, kecemerlangan institusi ini akan terus diperkasa dan dilonjakkan ke tahap yang lebih tinggi.
6. Sumbangan semua yang diraikan pada hari ini amat besar ertinya dalam memastikan UiTM terus melangkah maju sebagai sebuah institusi pendidikan tinggi yang unggul dan disegani
7. Mewakili pihak pengurusan UiTM Cawangan Selangor, saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada tuan-tuan dan puan-puan atas segala jasa, komitmen dan sumbangan yang telah diberikan sepanjang tempoh perkhidmatan ini.

8. Semoga penghargaan ini menjadi pemangkin untuk tuan-tuan dan puan-puan terus menyumbang dengan penuh semangat, dedikasi dan profesionalisme, demi kesinambungan kecemerlangan UiTM Cawangan Selangor secara khususnya, dan UiTM secara keseluruhannya.

9. Akhir kata, setinggi-tinggi tahniah diucapkan kepada semua penerima sijil pada hari ini. Teruskan memberi inspirasi kepada rakan sekerja serta generasi pelapis kita.

Teguh melangkah meniti masa,  
Budi ditabur tak pernah jemu,  
Dua dekad menyulam jasa,  
Pastinya terpahat 'UiTM DiHatiku'.

10. Semoga segala usaha dan pengorbanan tuan-tuan dan puan-puan sentiasa diberkati serta

dikurniakan ganjaran yang setimpal oleh Allah SWT.

**Sekian, Wabillahi taufiq wal hidayah  
Wassalamualaikum warahmatullahi  
wabarakatuh.**